

CNS3650

U GB 01-08 00181 BH966

aab

Mahathir - Arqam

MAHAHATHIR: TINDAKAN UNDANG-UNDANG KE ATAS ASHAARI JIKA PULANG

RAWANG, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Ketua Al Arqam, Ashaari Muhammad, yang diarahkan meninggalkan Thailand, akan diambil tindakan undang-undang oleh kerajaan jika pulang ke tanah air.

Walau bagaimanapun tindakan yang akan diambil ke atas Ashaari bergantung kepada tindakannya yang bertentangan dengan undang-undang negara, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata tindakan yang akan diambil bergantung kepada keputusan pihak berkuasa yang menquatkan kuasa undang-undang itu dan beliau tidak berani mengatakan apakah tindakan yang akan diambil itu.

Ashaari yang meninggalkan Malaysia pada tahun 1988 telah menjadikan Thailand sebagai pusat operasi pergerakannya dan kini menghadapi masalah untuk terus tinggal di negara itu kerana kerajaan Thailand tidak mahu melanjutkan visanya yang tamat tempoh pada 20 Julai lepas.

Beliau diminta oleh kerajaan Thailand untuk meninggalkan negara itu dalam tempoh seminggu, dan kerajaan Indonesia pula pada bulan lepas membuat keputusan melarang Ashaari masuk ke negara itu. -- Laqi

▼01/08/15-21MST

CNS3651

U GB 01-08 00122 BH967

aab

Mahathir - Arqam 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Mahathir berkata kerajaan pada masa lepas menghadapi masalah untuk mengambil tindakan ke atas pergerakan ini kerana tidak mempunyai bukti yang cukup.

Selain itu, wujudnya golongan tertentu yang tidak dapat diyakinkan akan penyelewengan yang dilakukan oleh Arqam, katanya.

Beliau berkata kini kerajaan mempunyai bukti-bukti kukuh mengenai kegiatan yang menyeleweng itu dan tidak lagi adanya pihak yang kurang berminat untuk mengambil tindakan terhadap golongan ini.

"Dulu yang menjadi masalah (untuk mengambil tindakan ke atas Arqam) kerana adanya orang yang kadang-kadang tidak cukup yakin Arqam menyeleweng," katanya.

Beliau berkata: "Sekarang sudah jelas (mengenai penyelewengan pergerakan itu). Jadi saya yakin tindakan akan diambil." -- Bernama.

HK SIA